

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JANUARY 2017

# Dr. M jangan berlagak pandai, berani persoal ibadat

um-1/1/2017

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 31 Dis.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diingatkan supaya tidak berlagak pandai dalam semua hukum berkaitan Islam sehingga berani mempersoalkan hal ibadat haji orang lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, sebaliknya bekas pemimpin itu perlu bersyukur dengan segala nikmat yang telah diberikan sebelum ini termasuk semasa zaman kepimpinan beliau.

Menurutnya, dakwaan bekas pemimpin itu juga seolah-olah cuba memperlekehkan tahap keimanan orang yang melakukan ibadat tersebut selepas membuat

tuduhan tanpa asas.

“Siapa dia hendak mempersoalkan ibadat orang lain? Tidak wajar Dr. Mahathir cuba mainkan peranan Tuhan selepas mendapat pelbagai nikmat dan rezeki daripada Allah SWT.

“Jika Rasulullah SAW pun tidak tahu tentang hal ibadat individu lain, apatah lagi orang biasa. Apa yang penting, individu yang melaksanakannya benar-benar ikhlas dan tahu apa yang dilakukan,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, bekas Perdana Menteri itu yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) membuat dakwaan dengan menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia De-

velopement Berhad (1MDB) tidak mendapat haji mabrur.

Dakwanya, haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut kononnya haram kerana dicuri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pada itu, Pakar Geostrategis, Azmi Hassan berkata, tuduhan yang dibuat itu merupakan ‘strategi’ berbahaya untuk memburukkan kerajaan kerana berkait rapat dengan hukum ibadat dan agama Islam.

“Ini adalah manifestasi Dr. Mahathir untuk memburukkan kerajaan pemerintah demi manfaat politik beliau. Lebih malang lagi dakwaan ini boleh memberi kesan dan gangguan kepada jemaah yang menyertai program berkenaan kerana ia berkaitan ibadat seseorang,” ujarnya.

## Haji 1MDB tidak mabrur - Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR 30 Dis.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mendapat haji yang mabrur.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu membuat dakwaan berkenaan sewaktu...

Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.

Katanya, haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut kononnya haram kerana dicuri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Najib boleh menghantar 1,000 orang ke tanah suci kerana dia menggunakan duit curi, jadi penghantaran mereka ini ke Mekah adalah tidak mabrur.”

ka tidak mendapat haji mabrur, tetapi Najib sanggup melakukan apa sahaja,” katanya.

Dalam masa sama, beliau memburukkan Perdana Menteri kononnya tergamak menggunakan duit curi semata-mata mahu ‘membeli’ hati rakyat.

“Inilah sikap Najib yang sanggup melakukan apa sahaja dan sehingga hari ini, kerajaan kita kekurangan...”

mengeluarkan wang sendiri contohnya ke hospital, kita terpaksa mengeluarkan wang sendiri membeli ubat.”

Tuduhan sed mengejutkan ke juga pernah Rakyat 1Malaysia memberi manfaat rakyat yang mem salah satu bentuk...

**KERATAN Utusan Malaysia semalam.**